

13/07/2004

Tengku Razaleigh tidak akan dapat sokongan: Dr Mahathir

By Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan mendapat sokongan untuk bertanding jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti itu September ini.

Bekas Perdana Menteri juga percaya, hasrat Tengku Razaleigh bertanding jawatan Presiden Umno tidak akan menjejaskan proses pemilihan parti kerana dia tidak mungkin mendapat pencalonan yang mencukupi.

"Kacau apa? Dia (Tengku Razaleigh) tak boleh dapat apa pun. Satu undi pun tak boleh dapat, barangkali dari bahagian dia saja.

"Tapi dia kata dia nak lawan, yang itu dia punya hal lah. Tapi dia tidak akan pergi ke mana," katanya selepas sambutan ulang tahun kelahirannya dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali anjuran kakitangan Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, tengah hari semalam.

Dr Siti Hasmah meraikan ulang tahun kelahiran yang ke-79 semalam, manakala Dr Mahathir pada 10 Julai lalu.

Sejak Tengku Razaleigh mengumumkan keputusan bertanding jawatan Presiden Umno, Jumaat lalu dan 62 bahagian sudah bermesyuarat sehingga semalam, beliau belum mendapat sebarang pencalonan.

Bahagian Gua Musang yang diketuainya dijadualkan bermesyuarat pada 17 Julai ini. Calon Presiden perlu mendapatkan 30 peratus pencalonan atau 58 daripada 191 bahagian Umno di seluruh negara.

Dr Mahathir, yang pernah dicabar Tengku Razaleigh pada 1987 berkata, jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak sepatutnya ditandingi kerana ia sudah menjadi tradisi Umno.

"Saya rasa bagi jawatan Presiden dan timbalan, tak payah cabarlah. Dan ini juga membabitkan sesiapa saja. Saya bukan bercakap tentang Tengku Razaleigh saja. Nak cabar, cabar Naib Presiden... itu tradisi Umno," katanya.

Bekas Presiden Umno dari 1981 hingga 2003 itu berkata, selama ini beliau selalu menegaskan bahawa demokrasi hanya baik jika ia menguntungkan rakyat dan bukan sebaliknya.

"Dia (Tengku Razaleigh) kata, dia nak mempertahankan demokrasi. Tapi saya selalu kata demokrasi adalah untuk rakyat, bukannya rakyat perlu berkorban untuk demokrasi," katanya.

Ditanya mengenai pandangan kononnya tindakan Tengku Razaleigh bertanding itu dibuat sebagai satu cara mengundurkan diri daripada arena politik, beliau berkata:

"Saya tak tahulah itu...apa yang dia fikir, saya tak tahu. Saya tak boleh baca fikirannya."

Dr Mahathir berkata, beliau masih mengikuti perkembangan Umno malah sentiasa menyokong apa saja yang baik untuk parti, bukannya individu. "Saya fikirkan tentang Umno, saya tidak fikir tentang orang. Saya sokong apa saja yang baik untuk Umno... apa saja," katanya.

Mengenai Puteri Umno yang bakal menyaksikan perubahan kepemimpinan apabila Ketua Puteri baru akan dipilih, beliau berkata, ahli pergerakan itu perlu mencari seorang ketua yang baru.

"Mereka boleh lakukannya melalui konsensus atau bertanding. Tetapi mereka pilih untuk bertanding... itu hak mereka," katanya.

(END)